

20 MAR 2002
PBEC-ARROYO/I
ARROYO AKAN BERUCAP PADA FORUM DI MALAYSIA

MANILA, 20 Mac (Bernama) - Presiden Filipina Gloria Arroyo akan berucap pada forum Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Kuala Lumpur, Mei ini.

Bercakap kepada pemberita hari ini, Arroyo berkata lawatannya itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia akan merupakan lawatan keduanya ke Malaysia. Beliau telah mengadakan lawatan rasmi pada Ogos tahun lepas, lawatan ke luar negara yang pertama baginya selepas menjadi presiden pada Januari 2001.

Semasa di Malaysia, Arroyo dan Dr Mahathir dijangka bertukar-tukar pendapat mengenai kerjasama dua hala antara Filipina dan Malaysia serta lain-lain isu serantau.

Arroyo akan mengadakan lawatan rasmi ke Thailand dahulu sebelum ke Kuala Lumpur.

Beliau berkata pada penghujung Mei ini, beliau sekali lagi akan melawat Tokyo memandangkan Jepun, sebagai sumber utama rantau ini bagi pelaburan asing, telah dilawati oleh pemimpin dunia beberapa kali, khususnya dari negara-negara Asia.

Arroyo berkata lawatan Dr Mahathir ke Jepun selalunya bagi menggalakkan pelaburan dan menarik syarikat besar Jepun untuk melabur di Malaysia. --
BERNAMA

AL SHO KTC NHD